



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH
28 MAC 2020 SEHINGGA 3 APRIL 2020**

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 28 Mac 2020 sehingga 3 April 2020 adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 turun sebanyak 6 sen seliter iaitu daripada RM1.74 seliter kepada RM1.68 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 turun sebanyak 6 sen seliter iaitu daripada RM1.44 seliter kepada RM1.38 seliter; dan
- (iii) harga runcit diesel turun sebanyak 7 sen seliter iaitu daripada RM1.75 seliter kepada RM1.68 seliter.

Penurunan harga runcit produk petroleum ini adalah disebabkan trend harga minyak mentah dunia yang terus menurun ekoran ketidakpastian ekonomi global akibat pandemik COVID-19.

Di samping itu, Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
27 Mac 2020